

**Pengeluaran Pertama Volkswagen Di Pekan Uji Sambutan Pasaran Tempatan -  
Najib  
Bernama  
20 Ogos 2011**

PEKAN, 20 Ogos (Bernama) -- Kilang DRB-Hicom Berhad di sini yang dijangka mula memasang dan mengeluarkan lebih 200 unit kereta jenama Volkswagen pada Oktober atau November depan akan menguji sambutan di peringkat tempatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata pengeluaran pertama itu juga akan menjadi platform bagi menjadikan Malaysia pangkalan eksport kenderaan itu ke negara Asean pada tahun 2014.

Berucap pada Majlis Mesra Ramadan Perdana Menteri bersama warga kerja DRB-Hicom di Masjid Sri Maulana di sini hari ini, Najib berkata beliau yakin Pekan akan muncul sebagai bandar yang mempunyai hubung kait dengan pengeluaran automotif bagi pasaran global.

"Peminat kenderaan Mercedes dan Volkswagen sudah tentu mengenali Pekan lebih dekat selepas ini," katanya.

Najib berkata walaupun DRB-Hicom berdepan pelbagai cabaran sebelum ini, namun kegigihan pihak pengurusan dalam melaksanakan perubahan dan pembaharuan dalam operasinya nyata membuahkan hasil.

Beliau berharap dalam masa empat tahun akan datang, DRB-Hicom akan menambah kakitangannya kepada 6,000 orang berbanding 2,500 orang ketika ini.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=609377>